

**Article Info:**

Received Date: 28 July 2019

Accepted Date: 30 August 2019

Published Date: 13 September 2019

Corresponding Author:

pnrosiah@gmail.com

## **Seni Cetak Masa Kini Di Malaysia: Tinjauan Umum Menerusi Pameran-Pameran Berkumpulan**

*Malaysian Printmaking Nowadays: General Reviews  
Through Group Exhibitions*

**Rosiah Md Noor**

**Mohd Zahuri Khairani**

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

pnrosiah@gmail.com

### **Abstrak**

Seni cetak adalah salah satu disiplin dalam seni halus yang mempunyai nilai estetikanya yang tersendiri sama seperti seni visual yang lain. Namun begitu, ia kurang diberi perhatian berbanding seni catan dalam perkembangan seni moden Malaysia sejak tahun 1930-an. Kemunculan trend pluralis sekitar tahun 1990-an, telah memperlihatkan kepelbagaian media dan teknik diaplikasikan dalam karya seni visual yang secara tidak langsung meminggirkan lagi kedudukan seni cetak sebagai satu bentuk disiplin dalam seni halus. Pameran yang khusus tentang seni cetak, dapat dijadikan sebagai salah satu mekanisme untuk mengukur penglibatan artis seni visual dan melihat perkembangan karya seni cetak itu sendiri dalam perkembangan seni tempatan. Menerusi pemerhatian umum, pameran bertema seni cetak telah kerap diadakan secara berkumpulan sejak kebelakangan ini. Oleh itu, penulisan ini bertujuan meninjau perkembangan seni cetak oleh artis-artis seni visual Malaysia menerusi pameran berkumpulan yang telah berlangsung dalam negara, khususnya yang melibatkan seni cetak. Hasil tinjauan umum mendapati, lebih ramai artis telah menghasilkan karya seni cetak dengan pendekatan kontemporari. Manakala seni cetak konvensional telah dipopularkan semula. Kepelbagaian bentuk dan makna karya seni cetak yang dihasilkan ini, menunjukkan satu perkembangan positif dalam bidang seni cetak di Malaysia.

**Kata kunci:** seni visual, seni halus, seni cetak, pameran seni, seni malaysia.

### **Abstract**

*Printmaking is one of the discipline in fine art that has its own aesthetic value just like any other visual art. However, it is less noticeable compare with painting in the development of modern Malaysian art since 1930s. The emergence of pluralist trends around the 1990s, reveals the diversity of media and techniques applied in the visual artwork, that marginalized the inclusion of printmaking as one of the discipline in fine art. One of the mechanisms to measure the involvement of visual artist and to show the development of printmaking in centemporary art scene is by arranging a special art exhibition emphasized in printmaking as form of the art itself. Recently, printmaking exhibitions are often held in group exhibitions. Therefore, this study aims to review the progress of printmaking by Malaysian visual artists through group exhibitions that have taken place in the country, particularly those involving in printmaking. The findings show that more artists have produced contemporary printmaking. While conventional printmaking has been re-popularized. The diversity of forms and meanings of printmaking as an artwork shows a positive development in the field of printmaking in Malaysia.*

**Keywords:** Visual Arts, Fine Arts, Printmaking, Art Exhibition, Malaysian Art.

## **PENGENALAN**

Seni cetak Malaysia telah berkembang sejak tahun 1930-an, bersama bidang seni halus yang lain seperti catan, lukisan dan arca. Ramai artis tempatan menghasilkan seni cetak untuk pelbagai tujuan. Sekitar tahun 1935, Abdullah Ariff telah menghasilkan cetakan skrin dan lino untuk ilustrasi grafik poster dan majalah (Long, 1993). Artis-artis kumpulan Nanyang yang berhijrah dan menetap di Singapura, menghasilkan karya cetakan kayu untuk menggambarkan suasana realiti kehidupan masyarakat tempatan yang bertentangan dengan ideologi di Tanah Besar Cina pada ketika itu (Sarah, 2012).

Selepas kemerdekaan, ramai artis telah berpeluang melanjutkan pelajaran dalam bidang seni halus di luar negara. (Long, 1993; Mulyadi, 2003). Pendedahan di luar negara telah mendorong mereka menghasilkan karya seni cetak yang telah memberi sumbangan kepada perkembangan gaya dan tema seni rupa tanahair, walaupun menurut Mulyadi (2003), disiplin ini bagi kebanyakan artis bersifat sampingan berbanding catan.

Menurut A. Rahman (2010) dan Chiew (1974), antara punca seni cetak kurang dipraktikkan adalah kerana faktor ketiadaan kemudahan peralatan studio cetak. Selain itu, artis tidak mendapat galakan secukupnya dari segi peluang berpameran, pertandingan, dan sokongan kewangan berbanding seniman cetak di negara Indonesia, Thailand dan Filipina. Kekurangan ini dilihat sebagai salah satu punca seni cetak kurang diberi perhatian oleh penulis seni tanahair dan kerap dipinggirkan dalam penulisan tentang seni visual berbanding dengan seni catan dan bidang seni yang lain (Juhari, 2009; Mulyadi, 2003).

Bidang seni cetak dapat terus dihidupkan, apabila beberapa institusi pengajian tinggi tempatan menawarkan pelajaran formal dalam bidang ini. Antara yang terawal adalah Institut Teknologi MARA (ITM) pada 1967, Universiti Sains Malaysia (USM) pada 1974 dan Maktab Perguruan Ilmu Khas selain kolej swasta seperti 'Central College of Art' dan 'Malaysian Institute of Art' (A. Rahman, 2010). Penubuhan kumpulan Anak Alam 1974, turut memberi pendedahan kepada ahli-ahli kumpulan terutamanya kepada *self-taught* artis dengan penubuhan bengkel seni cetak di premis Anak Alam pada 1985 (Juhari Said, 2008).

Penubuhan beberapa galeri seni kerajaan dan swasta turut membantu dalam penganjuran pameran dan pertandingan seni cetak. Balai Seni Lukis Negara (BSLN) yang ditubuhkan pada tahun 1958, bersama ESSO telah menganjurkan pertandingan Terbuka Seni Lukis dan Cetakan Grafik 1971. Pertandingan 'Salon Malaysia 1978/79' dan '1991/1992' turut memasukkan kategori seni cetak (Mulyadi, 2003). Beberapa pameran berkumpulan khusus seni cetak juga telah diadakan seperti "*Impression-Contacts in Prints*" (1992), Pameran "*Alternative Prints*" (1995), Pameran "*Step by Step*" di galeri Pelita Hati (1995) dan Pameran "GRAFIKA" (1996).

Menjelang abad ke-21, Negara telah menyaksikan lebih banyak karya yang mengaplikasikan media dan teknik cetakan. Media ini telah dihasilkan oleh artis terkenal serta artis dari golongan pelajar institusi dalam pengkhususan seni halus, walaupun ia masih tidak setanding bidang catan. Melalui tinjauan umum yang menjadi fokus dalam penulisan ini, karya-karya tersebut lebih mudah dikesan melalui aktiviti berpameran yang khusus tentang seni cetak yang kebanyakannya dianjurkan secara berkumpulan. Kaedah tinjauan literatur digunakan untuk mengumpul dan menganalisa bentuk dan makna secara umum karya seni cetak yang telah dipamerkan dan diterbitkan dalam katalog pameran tempatan.

## **PAMERAN SENI CETAK ABAD KE-21**

Bagi melihat kelangsungan karya seni cetak dan penerimaan masyarakat seni tempatan secara umum terhadap disiplin ini, adalah wajar untuk menyusuri dan meneliti pameran berkumpulan yang khusus tentang seni cetak. Pameran berkumpulan seni cetak dijadikan kayu pengukur kepada penganjuran dan penglibatan pihak galeri dan artis tempatan yang serius dalam bidang ini. Menerusi pemerhatian dan pencarian data, didapati hampir tiada pameran berkumpulan khusus kepada seni cetak tempatan dapat dikesan di penghujung 1990-an dan di awal abad ke-21.

Hanya pada tahun 2004, pameran seni cetak berkumpulan telah diadakan iaitu pameran bertajuk “*The Rhythm of Art in Printmaking*” anjuran Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM yang diadakan di Galeri Shah Alam. Merujuk kepada katalog pameran yang lebih berupa risalah, tidak terdapat sebarang apresiasi terhadap karya-karya cetakan yang dipamerkan. Berdasarkan kepada gambar karya yang tertera sebagai hiasan, pameran ini adalah gabungan hasil karya seni cetak lama dan baru oleh kumpulan pensyarah dan pelajar (Galeri Shah Alam, 2004).

Tahun berikutnya, Balai Seni Lukis Negara (BSLN) telah menganjurkan pameran “*British in Print/Print in Malaysia*”. Pameran ini telah diadakan pada penghujung tahun 2005 di BSLN, Kuala Lumpur. Pameran ini berkerjasama dengan karya-karya seni cetak British oleh Paragon Press. Bersempena dengan pameran cetakan British, pihak BSLN telah mengusahakan pameran karya-karya daripada koleksi BSLN yang terdiri daripada seni cetak konvensional dan yang tergolong sebagai cetakan kreatif dan eksperimental (Saharudin, 2005). Pameran tersebut telah mempamerkan karya-karya artis tempatan yang berlainan disiplin seni rupa, dengan pengucapan seni cetak mengikut kefahaman dan pendekatan tersendiri.

Pameran seni cetak berikutnya adalah pada tahun 2007, bertajuk “*Rentas Sempadan*” yang bertempat di Balai Seni Lukis Pulau Pinang. Pameran seni cetak antarabangsa ini adalah anjuran Lembaga Muzium dan Balai Seni Lukis Pulau Pinang bersempena dengan Festival Seni Antarabangsa Pulau Pinang 2007. Ia mendapat penyertaan daripada 58 artis dari 20 buah negara yang mempamerkan 90 karya seni cetak pelbagai media dan teknik (A. Rahman, 2007). Selain seni cetak konvensional, ramai artis luar dan dalam negara mempamerkan karya menggunakan media dan teknik seperti digital, *xerography*, kertas buatan tangan dan acuan yang berbeza daripada cetakan tradisi. Antara contoh karya oleh artis tempatan ialah karya oleh Mohd Jamil Mat Isa bertajuk “*Pisang Emas di Bawa Belayar*” 2006 menggunakan medium cetakan skrin (Gambar 1) dan karya Loo Foh Sang bertajuk “*Sunset Series: Festival Dance*” 2006 yang menggunakan cetakan gurusan asid (Gambar 2).



Mohd Jamil Mat Isa | Pisang Emas Dibawa Belayar | Silkscreen | 2006  
**Gambar 1:** Karya Mohd Jamil Mat Isa



Loo Foh Sang | Sunset Series: Festival Dance | Etching & Aquatint | 2006  
**Gambar 2:** Karya Loo Foh Sang

Gambar 1 dan 2. Karya Mohd Jamil Mat Isa bertajuk ‘*Pisang Emas di Bawa Belayar*’ 2006 dan Karya Loo Foh Sang bertajuk “*Sunset Series: Festival Dance*” 2006  
(sumber: *Penang State Museum & Art Gallery, 2007*)

Pameran berkumpulan seterusnya bertajuk “*Go Block*” pada tahun 2009 telah diadakan di Galeri Petronas. Pameran yang lahir daripada buah fikiran Juhari Said disertai buat kali pertamanya oleh lima artis, terdiri daripada Juhari Said sendiri, Zulkifli Yusuf, Kim Ng, Azian Tahir dan Shahrul Jamili Miskon. Menurut Badrolhisham selaku kurator pameran, “*Go Block* merupakan pameran seni cetak alternatif yang

bertujuan membuka dialog mengenai medium cetakan yang selama ini dianggap mengongkong kebebasan seniman akibat kerenah prosesnya” (Badrolhisham, 2009, p.10).

Karya-karya yang dihasilkan oleh artis-artis terpilih ini, cuba mentafsir konsep seni cetak dengan pengolahan ‘blok’ yang melangkaui batas sempadan seni cetak tradisi untuk berkeaktiviti secara bebas dengan medium cetakan. Pameran ini dilihat cuba menjelaskan pada masyarakat seni bahawa seni cetak boleh berevolusi, bersifat dinamik seperti bidang-bidang lain dalam seni halus dan tidak terikat kepada format gambar sahaja. Antara contoh adalah karya oleh Shahrul Jamili bertajuk “*Making Sense Can Sometimes Get Out of Hand*” hasilan 2008, yang menggunakan acuan untuk ‘mencetak’ bahan daripada simen (Gambar 3) dan Izan Tahir yang menghasilkan instalasi bertajuk “*Going*” hasilan 2008, menggunakan bahan kertas kasar dan potongan lino sebagai kaedah acuan (Gambar 4).



**Gambar 3:** Karya Shahrul Jamili



**Gambar 4:** Karya Izan Tahir

Gambar 3 dan 4. Karya Shahrul Jamili bertajuk ‘*Making Sense Can Sometimes Get Out of Hand*’ 2008 dan Karya Izan Tahir bertajuk ‘*Going*’ 2008  
(sumber: *Galeri Petronas*, 2009)

Lanjutan daripada pameran seni cetak antarabangsa “*Rentas Sempadan*” pada 2007, Muzium Pulau Pinang bersama Universiti Sains Malaysia telah sekali lagi menganjurkan pameran seni cetak antarabangsa Pulau Pinang atau ringkasannya sebagai ‘*PIPE 2010*’ dalam tahun 2010. A. Rahman Mohamad dan Juhari Said adalah kurator bersama yang menjadi meneraju utama bagi pameran terbuka yang mendapat sambutan luar jangkaan daripada artis luar negara. Menurut A. Rahman (2010), sebanyak 391 daripada 566 penyertaan dipilih untuk dipamerkan yang melibatkan 55 negara seluruh dunia, termasuk Malaysia. Kesemua karya masih terikat dengan bentuk dua dimensi bagi mematuhi syarat pameran. Media dan teknik seni cetak konvensional menjadi pilihan majoriti penyertaan. Terdapat juga cetakan kreatif yang turut dipamerkan seperti aplikasi digital, cetakan daripada objek sedia ada dan gabungan dengan teknik kolaj serta catan.

Kemudiannya, penganjuran pameran seni cetak berkumpulan agak sunyi seketika buat beberapa tahun. Pada tahun 2014, muncul semula pameran seni cetak dengan tajuk “*Cetak Kolektif – TP I*” yang diusahakan oleh artis Faizal Suhif dan Samsudin Wahab bertempat di galeri HOM Art Trans. Pameran ini berteraskan cetakan konvensional dengan harapan dapat menghidupkan dan meraikan seni cetak tradisi agar tidak terus dilupakan (HOM Art Trans, 2015). Selain Faizal Suhif dan Samsudin Wahab, pameran disertai oleh empat lagi artis muda jemputan iaitu Arson Ong, Sabihis Md Pandi, Zul Husni Md Duan dan Hazul Bakar.

Pada 2015, sekali lagi Pameran “*Cetak Kolektif –TP II*” diadakan di HOM Art Trans, Kuala Lumpur dengan meneruskan misi dan tujuan yang sama. Kolektif merupakan kumpulan artis muda yang


berminat menghasilkan karya seni cetak konvensional. Huruf 'TP-II' adalah singkatan perkataan 'Test Print' (cetak uji) bagi persembahan kedua kumpulan yang 'menguji' usaha mereka dalam menangani permasalahan bentuk (teknik) secara tradisi dengan pengucapan makna yang berkontekskan kontemporari (Sarah, 2015). Pameran kali ini disertai lebih ramai artis muda termasuk Faizal Suhif dan Samsudin Wahab (HOM Art Trans, 2015).

Dalam tahun 2015 juga, telah berlangsung pameran bertajuk "*Peasants and Proletariats: A Print Art Exhibition Tribute to Workers*" diadakan di Xin Art Space, Kuala Lumpur. Goh (2015) menerangkan bahawa pameran ini telah diadakan bersempena dengan sambutan Hari Pekerja yang berlaku dalam bulan Mei. Pameran ini memilih karya-karya cetakan lama dan baru dalam pelbagai bidang pekerjaan oleh artis-artis pilihan seperti Chuah Thean Teng, Lai Loong Sung, Abdul Mansoor Ibrahim, Kim Ng dan Jerome dari Pangrok Sulap (Xin Art Space, 2015). Medium seni cetak dipilih bukan sahaja untuk meraikan bentuk seni cetak, akan tetapi juga kerana media dan teknik seni cetak yang digunakan adalah sinonim untuk menggambarkan nasib serta kelas sosial petani dan golongan kelas pekerjaan.

Seterusnya pada bulan Februari 2016, pameran bertajuk "*Prints That Matter - A Group Exhibition*" berlangsung di galeri Pelita Hati, Bangsar. Pameran ini disertai oleh beberapa artis senior jemputan dan artis baru yang kebanyakannya adalah pelajar yang baru menamatkan pengajian dalam bidang seni halus dan artis muda dalam bidang seni reka (Galeri Pelita Hati, 2016). Antaranya, Abdul Mansoor dan Fuad Fathil dengan cetakan konvensional gurisan asid dan turisan kayu. Artis-artis baru pula ramai mengaplikasikan kaedah dan pendekatan cetakan kontemporari. Noorismaniza Said misalnya (Gambar 5), telah mengaplikasikan cetakan digital dengan kemasan catan manakala Muhammad Shaufie Mohd (Gambar 6) mencetak menggunakan teknik cetakan kayu tradisi ke atas kanvas.



**Gambar 5:** Karya Noorismaniza Said




**Gambar 6:** Karya Muhammad Shaufie

Gambar 5 dan 6. Karya Noorismaniza Said bertajuk "My Dream", 2015 dan  
Karya Muhammad Shaufie bertajuk "Berkudap-Kudap", 2016  
(Sumber: Galeri Pelita Hati, 2016)

Pada bulan Ogos 2016 pula, pameran berkumpulan seni cetak kreatif bertajuk "*Terap: Contemporary Malaysian Printmaking*" anjuran Segaris Art Centre, Damansara, Kuala Lumpur, diadakan di tempat yang sama. Pameran ini disertai oleh artis-artis jemputan yang terdiri daripada artis seni cetak senior dan baru. Antaranya ialah Ilse Noor, Long Thein Shih, Loo Foh Sang, Juhari Said, Abdul Mansoor Ibrahim, A.Rahman Mohamad, Jack Ting, Lye Yau Fatt, Jamil Mat Isa, Stephan Menon, Fuad Fathil, Rizo Leong, Podien dan Syazwan Rusdin (Segaris Art Center, 2016). Penggunaan media dan teknik seni cetak oleh artis dalam pameran ini adalah pelbagai yang kebanyakannya mencetak di atas kertas atau kanvas secara monotaip.

Satu lagi pameran berkumpulan seni cetak telah berlangsung dalam tahun 2016 di Galeri Core Design. Cuma, pameran ini disertai oleh dua orang artis muda iaitu Faizal Suhif dan Haafiz Shahimi. Pameran yang bertajuk “*Faizal vs Haafiz: Dawn of Extended Printmaking*”, mengemukakan karya-karya yang jauh berbeza dengan seni cetak konvensional. Karya-karya yang dipamerkan menunjukkan eksplorasi dan eksperimentasi terhadap kaedah dan proses tradisi kepada bentuk dimensi baru seni cetak. Bentuk karya Faizal dalam pameran ini menggunakan kaedah cetak tekan yang menjadikan permukaan bumi seperti dataran tanah sebagai matrik cetakan beliau. Imej spontan yang terhasil di atas kanvas memberi kepuasan jalinan yang dapat menghubungkan ruang lingkup alam persekitaran (Core Design Gallery, 2016).

Haafiz Shahimi pula memperkenalkan cetakan pirografi (Pyrography) yang merupakan konsep tekanan besi panas. Besi yang dibentuk dengan imej ikan misalnya, adalah ‘matrik’ ciptaan Haafiz. Kesan terbakar hasil daripada tekanan besi yang ditekan di atas kanvas, dianggap sebagai pemindahan imej ke atas permukaan yang dicetak (Core Design Gallery, 2016). Haafiz turut menggunakan kaedah bakaran warna terus ke atas kanvas yang beliau namakan sebagai “*90-degree inverted burn*”. Media dan teknik campuran yang diaplikasikan merupakan eksperimen beliau yang mengolah bahan asing dengan konsep cetakan. Karya bertajuk “*Pangolin*” 2016 (gambar 7) dan “*Self-Fish*” (gambar 8), adalah antara karya yang dipamerkan oleh mereka.



**Gambar 7**



**Gambar 8**

Gambar 7 dan 8. Karya Faizal Suhif bertajuk ‘Pangolin’, 2016 dan karya Hafiz Shahimi bertajuk “Self-Fish” 2016  
(Sumber: Core Design Gallery, 2016).

Pada tahun 2018 telah menyaksikan penganjuran pameran seni cetak berkumpulan secara bertubi-tubi. Penggiat seni cetak serta pemilik galeri seperti mendapat semangat baru untuk memartabatkan seni cetak negara. Pengaruh penganjuran pameran seni cetak antarabangsa terutamanya di rantau Asia, telah memberi suntikan sihat semasa bidang ini hampir dibunuh. Kewujudannya kini sebagai salah satu bidang yang turut berjasa dalam melakar seni rupa negara.

Pada Mac 2018, pameran bertajuk ‘*Edition: Etching Print Exhibition*’ oleh artis Samsuddin Wahab, Faizal Suhif dan Bayu Utomo Radjikan, diadakan di HOM Art Trans, Kuala Lumpur. Pameran yang khusus menggunakan seni cetak benaman secara konvensional ini adalah hasil kerja di studio gurusan asid yang baru dibuka oleh mereka yang bernama Studio Cetak 12. Pameran ini juga untuk mempromosikan studio tersebut sebagai satu ruang berkarya yang terbuka kepada orang ramai dengan kadar bayaran yang berpatutan (HOM Art Trans, 2018).

Pada April 2018 pula, pameran bertajuk ‘*Kuala Lumpur International Mini-print Exhibition (KLMEX18)*’ telah diadakan di BSVN anjuran Segaris Art Center. Pameran terbuka ini telah mendapat ilham dan sokongan daripada program pameran dan pertandingan “*Jogja International Mini-Print*

*Biennale*” Indonesia yang telah berlangsung sebanyak tiga kali. Pameran “*Mini Print*” meletakkan beberapa syarat dari segi saiz, medium dan tahun penghasilan. Fokus program ini tertumpu kepada bentuk seni cetak konvensional beredisi sahaja tanpa membataskan idea dan tema makna (Segaris Art Center, 2018).

Pada bulan September 2018, penganjuran terbesar pameran seni cetak tempatan telah diadakan dengan tajuk “*Seni Cetak Sepanjang Zaman*” anjuran Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia, telah berlangsung di galeri seni mereka bertempat di Sasana Kijang, Kuala Lumpur. Sesuai dengan tajuknya, pameran yang berdasarkan jemputan dan peminjaman karya-karya, disusun berdasarkan kronologi sejarah seni cetak sejak sebelum merdeka hingga terkini. Pembahagian ruang yang mempamerkan karya-karya seni cetak tradisi dan kontemporari serta penerbitan buku katalog pameran, boleh dianggap berjaya memberi persembahan secara kronologi dalam menyampaikan pendedahan dan pendidikan tentang bentuk seni cetak tanahair kepada masyarakat umum (Muzium dan Galeri Seni, 2018).

Malangnya, pameran ini sekadar membuat kronologi perkembangan seni cetak yang masih terikat dengan pengucapan bentuk dua dimensi sahaja. Karya-karya seni cetak tiga dimensi Juhari Said misalnya tidak disentuh, walhal karya seperti siri “*Okir*” hasilan 2007 misalnya telah memberi kesan ketara dalam perkembangan seni cetak negara. Selain itu, pameran ini juga tidak menghubungkan medium seni cetak dengan pengucapan makna karya-karya yang dipamerkan.

Pada tahun yang sama juga, Juhari Said sekali lagi menganjurkan pameran ‘*Go Block*’ bertempat di Galeri G13, Petaling Jaya pada bulan Oktober 2018. Selain Juhari Said, Sharul Jamili Miskon, Faizal Suhif dan Samsudin Wahab telah mempamerkan karya-karya seni cetak kreatif mereka dengan pendekatan dan gaya masing-masing. Mereka berkarya dengan mengekalkan misi untuk mengembangkan potensi seni cetak yang tidak hanya terikat dengan blok atau matrik dan penggunaan kertas semata-mata. Gagasan pameran ini jelas pada tajuk pameran kali ini yang lebih bergaya iaitu “*Go Blok: Potilombus Wayahinik Pinogumu*” yang bermaksud “*The Expanded Contemporary Printmaking*” (Galeri G13, 2018).

Menerusi pemerhatian penyelidik, karya-karya yang dipamerkan telah memperlihatkan aplikasi media dan teknik seni cetak tidak semestinya dizahirkan dengan sifat fizikal sahaja tetapi boleh menjangkau minda seseorang. Misalnya karya Juhari Said bertajuk “*Haiku*” hasilan 2018, diolah dengan teknik cungkulan kayu secara tiga dimensi yang mengangkat matrik sebagai karya akhir tanpa pemindahan imej (gambar 9). Contoh lain adalah karya Sharul Jamili bertajuk “*Metalanguage XVI*” hasilan 2017 mengaplikasikan teknik gurisan asid dan konsep lipatan origami bahan aluminium menjadi karya tiga dimensi (gambar 10). Sama seperti Juhari, Sharul Jamili tidak melakukan pemindahan imej yang menjadikan matrik sebagai karya akhir beliau.



Gambar 9: Karya Juhari Said



Gambar 10: Karya Sharul Jamili

Gambar 9 dan 10. Karya Juhari Said bertajuk ‘*Haiku*’, 2018 dan Karya Sharul Jamili bertajuk ‘*Metalanguage XVI*’ 2017  
(Sumber: Galeri G13, 2018)

Samsudin Wahab pula, antara karya yang dipamerkan telah mengaplikasikan medium video menggunakan serangga hidup. Karya bertajuk “*Wayang Lipas*” hasilan 2018, menggunakan pergerakan serangga dipancarkan ke layar dinding sebagai konsep pemindahan imej. Berbeza dengan Faizal Suhif yang menggunakan cetak tekap dataran alam persekitaran ke atas kanvas. Faizal Suhif juga menghasilkan cetak acuan plaster secara berulang dengan konsep acuan sebagai matrik.

Pada bulan Oktober 2018 yang sama, satu lagi pameran berkumpulan seni cetak telah diadakan oleh sekumpulan artis bernama Pangrok Sulap. Pameran ini diadakan di Galeri A+ Works of Art, Kuala Lumpur. Pangrok Sulap terdiri daripada beberapa artis yang berkarya secara kolektif. Seni cetak timbul adalah medium popular yang mereka praktis selain daripada muzik dan catan dalam menyampaikan idea berkisar tentang sosio-ekonomi dan politik semasa (A+ Works of Art, 2018).

Pameran bertajuk ‘*Lopung is Dead*’ mempamerkan karya-karya berskala besar yang dicetak di atas sejenis fabrik secara hitam putih dan warna yang minima seperti merah dan biru. Kumpulan yang berasal daripada Sabah ini, sangat aktif dan vokal menyuarakan pandangan mereka terutamanya hal berkisar masyarakat Sabah melalui kegiatan seni mereka. Menurut Egn (2018) selaku kurator pameran, walaupun isu yang dibangkitkan agak serius, tetapi disampaikan dengan cara menghibur. Olahan subjek dengan gaya naif seperti bercerita memudahkan idea disampaikan secara langsung dengan persembahan yang ringkas dan bersahaja.

## **KESIMPULAN**

Menyelusuri pameran-pameran berkumpulan yang bertemakan seni cetak sedari tahun 2000, pemerhatian umum mendapati banyak karya seni cetak dengan pendekatan kontemporari dihasilkan. Pameran “*Go Block*” 2009 dan 2018, “*Prints That Matter*” 2016, “*Terap: Contemporary Malaysian Printmaking*” 2016 dan “*Faizal v Haafiz: Dawn of Extended Printmaking*” 2016, adalah antara pameran yang menggalakkan konsep keterbukaan dan eksperimentasi penggunaan medium cetak. Manakala pameran “*Cetak Kolektif 2014 dan 2015*, ‘*Edition: Etching Print Exhibition*’ 2018, serta ‘*Kuala Lumpur International Mini-print Exhibition-KLMEX*’ 2018 adalah antara pameran yang meraikan seni cetak tradisi di alaf baru.

Walaupun perkembangan seni cetak kelihatan terpinggir terutamanya pada tahun-tahun selepas merdeka, konsistensi beberapa artis seni cetak yang cekal dengan sokongan pusat pendidikan serta badan pameran, telah terus menghidupkan bidang ini daripada terus tertindas. Tinjauan umum terhadap pameran-pameran seni cetak ini membuktikan media dan teknik seni cetak masih relevan dalam pengucapan pelbagai pendekatan idea menerusi kaedah konvensional dan kontemporari seni cetak mengikut peredaran zaman.

Menerusi pameran-pameran berkumpulan khusus dalam bidang seni cetak yang rancak diadakan sejak kebelakangan ini, telah menunjukkan indikasi penerimaan dan pemahaman yang positif bagi bidang seni cetak di Malaysia. Sesuai dengan perkembangan ini, kajian-kajian khusus dalam bidang seni cetak semasa dan terkini, perlu dipertingkatkan untuk memberi penerimaan dan pemahaman yang lebih jelas dalam usaha memertabatkan bidang seni cetak sebagai salah satu wadah budaya negara.

## **RUJUKAN**

- A.Rahman M. (2007). Rentas sempadan dlm.*An international print exhibition of crossing broder*,3-31 July 2007. Penang: Penang State Art Gallery.
- A. Rahman M. (2010). Printmaking, internet and global relationships.in.*PIPE'10 Pameran cetakan antarabangsa*. Pulau Pinang: Penerbitan USM.



- A. Rahman M. (2010). Studio Cetak Terbuka: Sebuah jawapan bagi pemesatan perkembangan seni cetak di Malaysia. dlm. Mohd Kipli A. Rahman (ed). *Isu- isu dalam seni kontemporari Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbitan USM.
- Badrolhisham, T. (2009). Seniman go block dan medium seni cetak. Dlm. Katalog “*Go block: 5 pengkarya seni cetak kontemporari Malaysia*” di Galeri Petronas dari 5 Febuari hingga 15 Mac 2009. KL: Galeri Petronas.
- Chiew, T. B. (1974). *Katalog seni cetak grafik 1974*. Kuala Lumpur: BSLN.
- Core Design Gallery. (2016). *Catalogue of Faizal v Haafiz: dawn of extended printmaking*. Selangor : Core Design Gallery Sdn. Bhd.
- Egn, H. (2018). Curator Statement. In *Catalogue of lopung is dead!- Pangrok Sulap*. 4-27 October, 2018. Kuala Lumpur: A+ Works of Art.
- Galeri A+ Works of Art. (2018). *Catalogue of lopung is dead!- Pangrok Sulap*. 4-27 October, 2018. Kuala Lumpur: A+ Works of Art.
- Galeri G13. (2018). *Katalog “Go block-the expanded contemporary printmaking”*. 20 October – 3 November 2018. Selangor: Art Valley Sdn Bhd.
- Galeri Pelita Hati. (2016). *Pameran “Prints that matter”*. Diambil daripada [www.pelintahati.com](http://www.pelintahati.com), pada 3 Mei, 2019.
- Galeri Petronas. (2009). *Katalog “Go block: 5 pengkarya seni cetak kontemporari Malaysia”* di Galeri Petronas dari 5 Febuari hingga 15 Mac 2009. KL: Galeri Petronas.
- Galeri Shah Alam. (2004). *Katalog “The rhythm of art in printmaking”*. Shah Alam:Galeri Shah Alam.
- Goh, L. (2015). Foreword. In. *Catalouge of a print art exhibition tribute to workers: Peasants and Proletariats*. Kuala Lumpur: Xin Art Space.
- HOM Art Trans. (2015). *Catalogue of TP II by Cetak Kolektif*. 12-24 December 2015, Kuala Lumpur: HOM Art Trans.
- HOM Art Trans. (2018). *‘Edition: Etching print exhibition’*. Diambil daripada [www.homarttrans.com/2018/03/edition.html](http://www.homarttrans.com/2018/03/edition.html), pada 3 Mei, 2019.
- Juhari S. (2008). AP Studio. dlm.*Katalog Pameran “Koleksi saya-Rahime Harun”*. KL: BSVN. Diambil pada 2 Dis.2013, daripada <http://www.juharisaid.com>
- Juhari S. (2009). Lagu Kebangsaan. Catatan Ringkas Situasi Seni Cetak di Malaysia dlm. Safrizal, S. & Mohammad Khizal, M.S. (2009). *Seni cetak di Malaysia:realiti dan impresi*. Pulau Pinang: USM.
- Juhari, S. (2018). Pengenalan. Dlm. *Katalog pameran “Go Block - The expanded contemporary printmaking”*. 20 October – 3 November 2018. Selangor: Art Valley Sdn Bhd.
- Long, T. S. (1993). Kedudukan seni cetak dalam dekad 70-an. dlm. *Katalog pameran komunikasi melalui grafik – seni cetak*. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Muliyadi, M. (2003). *Seni cetak kontemporari Malaysia*. Artikel dalam Dewan Budaya, Julai 2003, *diambil dari* <http://juharisaid.com> pada 28 Nov. 2003.
- Muzium dan Galeri Seni (2018). *Seni cetakan: Seni sepanjang zaman*. Ogos-November, 2018. Kuala Lumpur: Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia.
- Penang State Museum and Art Gallery. (2007). *Rentas sempadan/ Border crossing an international print exhibition*. Penang: Penang State Museum & Art Gallery.
- Saharudin, I. (2005). Prakata. In. *Catalogue of ‘...in print, print in..’* 22 Dec 2005- 22 Feb 2006. Kuala Lumpur: National Art Gallery Malaysia.
- Sarah, A. B. (2015). The universal journey of printmaking over the centuries. In. *Catalogue of TP II by Cetak Kolektif*. Kuala Lumpur: HOM Art Trans.
- Sarah, N. (2012). Woodcut in Printmaking –An Immersive Tale of Time. In. *The single leaf- woodblock printmaking*. Singapore: Nanyang Academy of FineArts.
- Segaris Art Center. (2016). *Katalog terap: Contemporary malaysian printmaking*. 24 July-7 August 2016. Kuala Lumpur: UiTM Art & Design Sdn Bhd.
- Segaris Art Center (2018). *KLIMEX18*. Kuala Lumpur: UiTM Art & Design Sdn Bhd.
- Xin Art Space (2015) *Catalouge of a print art exhibition tribute to workers: Peasants and proletariats*. 15 May- 15 June, 2015.Kuala Lumpur: Xin Art Space.